



## GARIS PANDUAN DAN SYARAT PERMOHONAN INISIATIF TUMPUAN PENULISAN DI FAKULTI PERGIGIAN

### 1.0 FALSAFAH

Program **Inisiatif Tumpuan Penulisan (ITP)** berupaya meningkatkan pencapaian prestasi staf akademik dalam penerbitan penyelidikan yang berindeks seterusnya dapat memacu kecemerlangan Fakulti Pergigian dan UiTM amnya dalam kuantiti penerbitan penyelidikan berindeks bagi Malaysia Research Assessment -MyRA Universiti.

### 2.0 DEFINISI

**Inisiatif Tumpuan Penulisan (ITP)** adalah suatu program untuk staf akademik di Fakulti Pergigian agar dapat melakukan proses **penulisan manuskrip dalam tempoh khusus yang diperuntukkan oleh Fakulti**. Dengan adanya ruang masa yang khusus serta keberadaan yang lebih fleksibel, kerja-kerja penulisan dan penyerahan manuskrip ke jurnal-jurnal berindeks dan berimpak tinggi dapat dijalankan dengan lebih lancar dan berkesan.

### 3.0 OBJEKTIF

- 3.1 Menggalakkan staf akademik Fakulti Pergigian untuk **menjalankan kerja-kerja penulisan manuskrip dalam tempoh khusus yang diperuntukkan oleh Fakulti**.
- 3.2 Merancakkan lagi budaya penyelidikan di kalangan staf akademik. Hasil penerbitan akan dapat membantu pembangunan kerjaya staf akademik serta dalam masa yang sama dapat membantu mengurangkan jumlah Denominator Berpotensi Fakulti.
- 3.3 Hasil penerbitan dapat membantu Fakulti untuk mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh UiTM.



#### 4.0 Syarat – Syarat Permohonan:

- 4.1 Program Inisiatif Tumpuan Penulisan ini terbuka kepada staf akademik Fakulti Pergigian,UiTM yang berstatus **AKTIF** (Bukan Cuti Belajar/Cuti Sabatikal).
- 4.2 Setiap staf akademik layak **memohon** Inisiatif Tumpuan Penulisan **HANYA SATU (1) kali setahun untuk tempoh 2 minggu berturut.**
- 4.3 Pemohon tidak boleh menggunakan tempoh penulisan sebagai persediaan ataupun sebahagian daripada Cuti Belajar, untuk menyiapkan penulisan tesis atau pengajian PhD yang belum selesai atau apa-apa tujuan lain selain dari tujuan hakiki
- 4.4 Pemohon adalah **tidak dibenarkan ke luar negara** dalam tempoh Inisiatif Tumpuan Penulisan ini.
- 4.5 Pemohon dikehendaki mengisi **Borang Permohonan dan Surat Aku Janji** Inisiatif Tumpuan Penulisan beserta sokongan Ketua Pusat Pengajian dan menyerahkannya ke Pejabat Penyelidikan untuk semakan Timbalan Dekan Penyelidikan dan kelulusan Dekan.
- 4.6 Pemohon adalah **Corresponding Author** bagi artikel yang akan diterbitkan.
- 4.7 Pemohon hendaklah menyerahkan salinan **Bukti Penghantaran Artikel** dalam **tempoh 7 hari dari tarikh tamat** Inisiatif Tumpuan Penulisan.
- 4.8 Pemohon hendaklah menyerahkan salinan **Bukti Penerimaan Artikel** dalam **tempoh 1 tahun dari tarikh tamat** Inisiatif Tumpuan Penulisan.
- 4.9 Pemohon **LAYAK memohon semula** dan dipertimbangkan untuk kelulusan jika telah menyerahkan Bukti Penerimaan Artikel (*daripada permohonan sebelum*).
- 4.10 Program Inisiatif Tumpuan Penulisan tidak boleh dijalankan pada minggu peperiksaan atau ketika pemohon terlibat dalam tugas penting seperti proses akreditasi MQA.

#### 5.0 PELAKSANAAN

##### 5.1 Tempoh perlaksanaan Inisiatif Tumpuan Penulisan

- 5.1.1 Tempoh masa : 2 minggu (berturut) / tahun
- 5.1.2 Tahun Perlaksanaan : 2025 sehingga 2030

##### 5.2 Inisiatif Sokongan

- 5.2.1 Staf akademik **diberi kebenaran untuk hadir bekerja secara Keberadaan Fleksibel** sepanjang tempoh Program Inisiatif Tumpuan Penulisan. Walau bagaimanapun, staf akademik perlu berada di kampus bagi tugas penting yang tidak dapat dilakukan seperti mesyuarat berkaitan **jawatankuasa lantikan fakulti, konsultasi bersama pelajar**.
- 5.2.2 Staf akademik dibenarkan untuk **menjadualkan semula kelas/klinik tertakluk kepada kebenaran ketua jabatan masing-masing**.



### 5.3 Key Performance Indicator (KPI) Minimum

Bil.	Perkara	KPI Minimum
1	Staf Akademik	Satu (1) <i>article submission</i> (selewat-lewatnya pada tarikh akhir program) bagi penerbitan di jurnal berindeks Scopus/WOS di mana staf akademik adalah sebagai <i>Corresponding Author</i> serta <b>Penerbitan</b> satu (1) artikel di jurnal berindeks Scopus/WOS di mana staf akademik adalah sebagai <i>Corresponding Author dalam masa satu (1) tahun selepas program ITP</i>

*Nota: Sekiranya sasaran tidak tercapai dalam tempoh yang ditetapkan, staf akademik terlibat akan disenaraihitamkan daripada memohon program ini untuk sesi akan datang.*

## 6.0 Prosedur Kerja Inisiatif Tumpuan Penulisan (ITP) Fakulti Pergigian

### A. Permohonan

- 6.1 Pemohon dikehendaki **mengisi Borang Permohonan dan Surat Akujanji Inisiatif Tumpuan Penulisan** dan disokong oleh Ketua Pusat Pengajian pemohon.
- 6.2 Pemohon menyerahkan Borang Permohonan dan Surat Akujanji yang lengkap (Cetak dan Imbas) melalui Google Drive ke Sekretariat Pejabat Penyelidikan, Fakulti Pergigian **tidak kurang dari satu (1) bulan sebelum** tarikh mula **Inisiatif Tumpuan Penulisan** pemohon bagi proses **pengesahan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan**.
- 6.3 Borang Permohonan ITP akan dibentangkan didalam Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) untuk proses penilaian.

### B. Perlaksanaan


- 6.4 Sekretariat Pejabat Penyelidikan bertanggungjawab bagi pemakluman kelulusan dan pengeluaran surat Kelulusan Inisiatif Tumpuan Penulisan kepada Pemohon.
- 6.5 Jika lulus, Pemohon hendaklah **mengisi borang keberadaan melalui portal HR2U** setelah mendapat surat kelulusan Inisiatif Tumpuan Penulisan sebelum memulakan tempoh 2 minggu penulisan. (*Jika Pemohon hendak bercuti dalam tempoh penulisan, perlu mengisi Permohonan Cuti di portal Hr2U*)
- 6.6 Jika gagal, pihak sekretariat akan memaklumkan kepada pemohon melalui status Borang Permohonan Inisiatif Tumpuan Penulisan.



## B. Pemantauan

- 6.7 Staf akademik hendaklah menghantar salinan bukti Penghantaran Artikel ke Jurnal Berindeks (hanya WOS/Scopus) menggunakan Borang Laporan Kemajuan Inisiatif Tumpuan Penulisan setelah tamat tempoh penulisan iaitu dalam **tempoh 7 hari** bekerja.
- 6.8 Seterusnya, dalam **tempoh 1 tahun** Staf akademik hendaklah menyerahkan Laporan Akhir iaitu salinan bukti Penerimaan Artikel yang diterbitkan menggunakan Borang Laporan Kemajuan Kemajuan Inisiatif Tumpuan Penulisan. **dan muatnaik penerbitan artikel dalam sistem PRIME-PUBLICATION**
- 6.9 Prosedur Inisiatif Tumpuan Penulisan **selesai**.

Lampiran 1: Infografik Prosedur Inisiatif Tumpuan Penulisan





## 7.0 Penalty

Staf akademik yang TIDAK menghantar Laporan Kemajuan Akhir (penghantaran bukti penerbitan) dan memuatnaik maklumat penerbitan dalam sistem PRIME dan/atau memenuhi KPI, tidak akan dipertimbangkan untuk permohonan bagi tahun seterusnya.

Sebarang pertanyaan lanjut / maklumat tambahan boleh diajukan kepada  
Sekretariat Pejabat Penyelidikan

Aras 4, Pejabat Penyelidikan,  
Fakulti Pergigian,  
UiTM Kampus Sungai Buloh  
Jalan Hospital  
47000 Sungai Buloh, Selangor

Emel : [norashikin406@uitm.edu.my](mailto:norashikin406@uitm.edu.my)/[fara\\_fariza@uitm.edu.my](mailto:fara_fariza@uitm.edu.my)  
Telefon : 03-61266509/6433/6570